



**PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 4/2022**

**GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN  
GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

1. Pekeling Akademik ini bertujuan memaklumkan kepada staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2022 (kali Ke-65) pada 28 Jun 2022 telah meluluskan Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat Universiti Malaysia Kelantan dan Garis Panduan Penganugerahan Profesor Emeritus/Emerita Universiti Malaysia Kelantan seperti berikut:
  - i. Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat Universiti Malaysia Kelantan (**Rujuk Lampiran A**); dan
  - ii. Garis Panduan Penganugerahan Profesor Emeritus/Emerita Universiti Malaysia Kelantan (**Rujuk Lampiran B**).
2. Garis Panduan ini akan berkuatkuasa pada tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengurusan Universiti (LPU) iaitu pada 28 Jun 2022.
3. Sehubungan itu, semua staf dimohon untuk mengambil maklum mengenai pemakaian Garis Panduan ini. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

08 Ogos 2022

- s.k - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
- Fail Edaran

## LAMPIRAN A

 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	<p><b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b> UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)</p> <p><b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b></p>	<p>PINDAAN : 0 TARIKH PINDAAN: MUKA SURAT: 1/9</p>
---	--	--

### **GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

#### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ia bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan kepada Staf, Fakulti / Pusat / Institut, Jawatankuasa Tetap Senat, Senat Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti mengenai tatacara penganugerahan Ijazah Kehormat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaras dengan peruntukan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (P.U.(A) 461/2011.

#### **2.0 TAFSIRAN**

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

**“Ijazah Kehormat”** bermaksud ijazah yang dianugerahkan sebagai penghargaan kepada individu yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah berbuat jasa cemerlang kepada awam.

**“Fakulti”** bermaksud Pusat Tanggungjawab yang diberi kuasa oleh Senat bagi menawarkan program akademik di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Doktor Falsafah kepada pelajar;

**“Staf”** bermaksud mana-mana individu yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan dan mana-mana statut Universiti;

**“Kriteria Penganugerahan”** bermaksud kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan di Perenggan 5 di dalam garis panduan ini.

**“Perlembagaan”** bermaksud Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan P.U.(A) 461/2011; dan

**“Universiti”** bermaksud Universiti Malaysia Kelantan.

**“LPU”** bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 2/9</b>
<b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH</b> <b>KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

“JPT” bermaksud Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

“KPT” bermaksud Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

“BPA” bermaksud Bahagian Pentadbiran Akademik

### 3.0 PENGENALAN

- 3.1 Senat Universiti memperakui sesuatu pengiktirafan boleh diberikan kepada seseorang individu yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang.
- 3.2 Di atas sokongan Fakulti dan dengan perakuan Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat, Senat Universiti boleh mengiktiraf individu di atas jasa bakti yang telah ditunjukkan dengan menganugerahkan Ijazah Kehormat. Individu yang dianugerahkan Ijazah Kehormat tersebut adalah layak menerima apa-apa kemudahan yang dinyatakan di dalam garis panduan ini dan apa-apa pindaannya dari masa ke semasa, tertakluk kepada Perlembagaan.
- 3.3 Fakulti hendaklah merancang program/ aktiviti yang bersesuaian supaya kepakaran penerima Ijazah Kehormat dapat dimanfaatkan oleh Universiti.

### 4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Penganugerahan Ijazah Kehormat bertujuan untuk:
  - a. memberi penghargaan kepada individu yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang.
  - b. membolehkan individu tersebut memberi sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran ilmu atau khidmat sama ada kepada Universiti mahupun masyarakat dan negara.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 3/9</b>
<b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH</b> <b>KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

## 5.0 KRITERIA PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT

- 5.1 Kriteria penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah adalah seperti berikut:
- a) Warganegara atau bukan Warganegara;
  - b) memiliki kelayakan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda daripada universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf;
  - c) mempunyai rekod sumbangan cemerlang dalam peningkatan dan penyebaran ilmu pengetahuan;
  - d) mempunyai rekod khidmat cemerlang kepada masyarakat dalam bidang;
  - e) mempunyai latar belakang peribadi yang baik dan dikenali umum;
  - f) telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada Universiti atau berupaya memberikan sumbangan kepada Universiti apabila diperlukan;
  - g) tidak pernah disabitkan kesalahan atau tindakan undang-undang; dan
  - h) tidak tergolong dalam mana-mana kategori berikut:
    - i. Anggota Pentadbiran dan Ketua Perkhidmatan yang masih memegang jawatan dalam perkhidmatan awam; dan
    - ii. Calon yang berpotensi membawa reputasi tidak baik kepada Universiti.
- 5.2 Walau bagaimanapun, Senat Universiti boleh menganugerahkan Ijazah Kehormat Sarjana kepada mana-mana individu yang layak tetapi tidak memenuhi kriteria 5.1 (b) di atas.
- 5.3 Senat Universiti juga boleh menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada mana-mana individu yang difikirkan layak oleh Senat Universiti.

## 6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENERIMA IJAZAH KEHORMAT

- 6.1 Penerima Ijazah Kehormat mempunyai tanggungjawab kepada Universiti seperti berikut:
- a) Bersedia untuk memberikan sumbangan kepada Universiti dalam bidang kepakarannya apabila diperlukan;
  - b) Tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan kepada mana-mana pihak sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan atau diperoleh olehnya atau menyebabkan sesuatu maklumat sulit terdedah kepada mana-mana pihak lain; dan
  - c) Hendaklah sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dan apa-apa arahan lain dari semasa ke semasa.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 4/9</b>
<b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH</b> <b>KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

## 7.0 PENGGUNAAN GELARAN DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA PENERIMA

- 7.1 Penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah layak menggunakan gelaran (Dr.) sebelum nama beliau seperti berikut:
- YBhg. (Dr.) Ali bin Abu  
Ijazah Kehormat Doktor Pemasaran
- 7.2 Penerima Ijazah Kehormat yang tidak memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) hanya dibenarkan menggunakan gelaran Doktor (Dr.) dalam majlis-majlis Universiti seperti dalam buku konvokesyen, laman sesawang Universiti dan sebagainya. Walau bagaimanapun penggunaan gelaran tersebut tidak dibenarkan untuk kegunaan luar majlis Universiti.
- 7.3 Penerima Ijazah Kehormat tidak layak untuk menerima emolumen namun boleh dibayar honorarium berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa atas perlibatan beliau dalam aktiviti Universiti.

## 8.0 PROSEDUR PENGANUGERAHAN

- 8.1 Fakulti hendaklah mengenalpasti individu berkelayakan dan mengemukakan kertas kerja permohonan yang lengkap kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus Universiti untuk sokongan.
- 8.2 Jika permohonan disokong, Fakulti akan membentangkan kertas kerja permohonan kepada Senat Universiti untuk perakuan.
- 8.3 Jika diperakukan oleh Senat Universiti, cadangan perakuan akan dibentangkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) kepada LPU, untuk pengesahan sebelum dimajukan oleh Pendaftar kepada JPT, KPT. Prosedur untuk mendapatkan kelulusan penganugerahan Ijazah Kehormat di peringkat KPT perlulah mengikuti tatacara yang telah digariskan di dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021, Jabatan Pengajian Tinggi: Penganugerahan Ijazah Kehormat Oleh Universiti Awam yang dikeluarkan pada 28 Oktober 2021. Berdasarkan kepada pekeliling tersebut, permohonan perlu dikemukakan kepada pihak JPT **selewat-lewatnya enam (6) bulan** sebelum tarikh penganugerahan.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 5/9</b>
<b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH</b> <b>KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

- 8.4 Surat tawaran penganugerahan Ijazah Kehormat akan dikeluarkan oleh Pendaftar kepada penerima.
- 8.5 Penerima Ijazah Kehormat perlu memberikan maklum balas penerimaan penganugerahan kepada Universiti.

#### **9.0 JAWATANKUASA TETAP SENAT IJAZAH KEHORMAT / PROFESOR EMERITUS**

- 9.1 Keanggotaan Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/ Profesor Emeritus adalah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
 Setiausaha : Pendaftar  
 Ahli\* : Seorang Dekan dalam bidang Sains dan Teknologi  
           : Seorang Dekan dalam bidang Sains Sosial  
           : Seorang ahli Senat Universiti  
 Sekretariat : Pegawai yang dilantik oleh Pengerusi

\*Nota: Ahli hendaklah bukan dari fakulti yang mengemukakan pencalonan.

- 9.2 Terma rujukan jawatankuasa adalah mengesyorkan penganugerahan Ijazah Kehormat dan Profesor Emeritus/ Emerita kepada individu yang berkelayakan untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi.

#### **10.0 PENGANUGERAHAN**

- 10.1 Penganugerahan Ijazah Kehormat dilakukan dalam Majlis Konvokesyen Universiti atau dalam mana-mana upacara atau istiadat lain yang dianggap sesuai oleh pihak Universiti.
- 10.2 Majlis Konvokesyen penerima Ijazah Kehormat akan diuruskan oleh Jawatankuasa Konvokesyen.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (01)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 6/9</b>
<b>GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN IJAZAH</b> <b>KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

## 11.0 PEMBATALAN PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT

- 11.1 Senat Universiti berhak untuk menarik balik atau membatalkan penganugerahan Ijazah Kehormat sekiranya penerima telah:
- a) disabitkan kesalahan jenayah; atau
  - b) melakukan tindakan yang menjasikan nama baik Universiti.

## 12.0 LAIN-LAIN

- 12.1 Garis panduan adalah tertakluk kepada undang-undang, pekeliling, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa dan pindaan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.
- 12.2 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan garis panduan ini bolehlah disalurkan kepada:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
 Universiti Malaysia Kelantan  
 16300 Bachok  
 Kelantan Darul Naim  
 Tel : 09-7797601  
 Faks : 09-7797602  
 Emel : akademik@umk.edu.my

## 13.0 TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa Garis Panduan Penganugerahan Ijazah Kehormat Universiti Malaysia Kelantan adalah dari tarikh garis panduan ini diluluskan oleh Mesyuarat LPU.



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

**PROSES KERJA  
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA  
KELANTAN**

**KLASIFIKASI :  
PINDAAN : 0  
TARIKH PINDAAN :  
MUKA SURAT : 7/9**

## **SENARAI SEMAK**

### **PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1	Fakulti / Pusat mengenalpasti calon yang berkelayakan melalui Mesyuarat di peringkat Fakulti/ Pusat		
2	Fakulti mengemukakan kertas kerja pencalonan penerima Ijazah Kehormat kepada BPA, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus untuk sokongan		
3	Fakulti membentangkan kertas kerja pencalonan yang telah disokong oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus dalam Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapatkan perakuan.		
4	Kertas kerja pencalonan yang telah diperaku oleh Mesyuarat Senat Universiti dibentangkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dalam Mesyuarat LPU untuk pengesahan.		
5	Pendaftar mengemukakan permohonan kepada JPT, KPT untuk kelulusan. Rujuk Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021, Jabatan Pengajian Tinggi: Penganugerahan Ijazah Kehormat Oleh Universiti Awam		
6	Menerima keputusan kelulusan daripada JPT, KPT		
7	Surat tawaran penganugerahan Ijazah Kehormat akan dikeluarkan oleh Pendaftar kepada penerima		
8	Menerima maklumbalas penerimaan tawaran daripada calon penerima		

 <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>PROSES KERJA</b> <b>PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>KLASIFIKASI :</b> <b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN :</b> <b>MUKA SURAT : 8/9</b>
--	--	--

## PROSES KERJA

### PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bil.	Tanggungjawab	Proses Kerja	Pegawai Yang Meluluskan/ dirujuk	Punca Kuasa/Borang Berkaitan
1	Dekan Fakulti	Fakulti / Pusat mengenalpasti calon yang berkelayakan melalui Mesyuarat di peringkat Fakulti/ Pusat	Mesyuarat JK Pengurusan Fakulti	
2	Dekan Fakulti	Fakulti mengemukakan kertas kerja pencalonan penerima Ijazah Kehormat kepada BPA untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus untuk sokongan	Pengarah BPA / Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus	Minit Mesyuarat Pengurusan Fakulti
3	Dekan Fakulti	Fakulti membentangkan kertas kerja dalam Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapatkan perakuan.	Mesyuarat Senat Universiti	Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus
4	TNC (A&A)	Kertas kerja pencalonan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk pengesahan	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	Minit Mesyuarat Senat Universiti
5	Pendaftar	Pendaftar akan mengemukakan permohonan kepada JPT, KPT untuk kelulusan. <i>(Rujuk Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021, Jabatan Pengajian Tinggi: Penganugerahan Ijazah Kehormat Oleh Universiti Awam)</i>	JPT, KPT	Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) / Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2021, JPT
6	Pendaftar	Menerima keputusan kelulusan daripada JPT, KPT	TNC (A&A)	Minit Mesyuarat LPU
7	Pendaftar	Surat tawaran penganugerahan Ijazah Kehormat akan dikeluarkan kepada penerima	TNC (A&A)	Minit Mesyuarat LPU
8	Pendaftar	Menerima maklumbalas penerimaan tawaran daripada calon penerima	Penerima Ijazah Kehormat	Borang penerimaan tawaran



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**

**PROSES KERJA  
PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**KLASIFIKASI :**  
**PINDAAN : 0**  
**TARIKH PINDAAN :**  
**MUKA SURAT : 9/9**

**CARTA ALIR**

**PENGANUGERAHAN IJAZAH KEHORMAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**Tanggungjawab**

Dekan Fakulti

Dekan Fakulti

Dekan Fakulti

TNC (A&A)

Pendaftar


Pendaftar

Pendaftar

**Proses Kerja**

Mula

Fakulti / Pusat mengenalpasti calon yang berkelayakan melalui Mesyuarat di peringkat Fakulti/ Pusat



 <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)	<b>PINDAAN : 0 TARIKH PINDAAN: MUKA SURAT: 1/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

**GARIS PANDUAN  
PENGANUGERAHAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

## 1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ia bertujuan untuk memberi panduan dan penjelasan kepada Staf, Fakulti / Pusat / Institut, Jawatankuasa Tetap Senat, Senat Universiti dan Lembaga Pengarah Universiti mengenai tatacara penganugerahan Profesor Emeritus/Emerita di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) selaras dengan peruntukan Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (P.U.(A) 461/2011.

## 2.0 TAFSIRAN

Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain-

**“bersara”** bermaksud meninggalkan perkhidmatan tetap di bawah Seksyen 10,11,12 dan 13 Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1980 (Akta 239) yang terpakai kepada staf-staf Universiti;

**“Fakulti”** bermaksud Pusat Tanggungjawab yang diberi kuasa oleh Senat bagi menawarkan program akademik di peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Doktor Falsafah kepada pelajar;

**“Staf”** bermaksud mana-mana individu yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan dan mana-mana statut Universiti;

**“Kriteria Penganugerahan”** bermaksud kriteria-kriteria seperti yang dinyatakan di Perenggan 5 di dalam garis panduan ini.

**“Perlembagaan”** bermaksud Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan P.U.(A) 461/2011; dan

**“Universiti”** bermaksud Universiti Malaysia Kelantan.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 2/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA</b> <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

“LPU” bermaksud Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Kelantan

“JPT” bermaksud Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

“KPT” bermaksud Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

“BPA” bermaksud Bahagian Pentadbiran Akademik

### 3.0 PENGENALAN

- 3.1 Profesor Emeritus/Emerita adalah gelaran yang diberikan kepada Profesor yang telah bersara sebagai suatu penghormatan terhadap kecemerlangan sepanjang perkhidmatan di Universiti.
- 3.2 Gelaran ini amat berguna untuk membolehkan seseorang memberi sumbangan kesarjanaan secara berterusan kepada Universiti walaupun telah bersara.
- 3.3 Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus/Emerita tidak berlaku secara automatik apabila seorang Profesor bersara atau tamat tempoh kontrak atau tamat tempoh peminjaman daripada perkhidmatan Universiti memandangkan ianya adalah satu kurniaan gelaran akademik yang bergantung kepada kecemerlangan kesarjanaan, perkhidmatan serta sumbangan seorang Profesor kepada Universiti.
- 3.4 Penganugerahan Fakulti hendaklah merancang program/ aktiviti yang bersesuaian supaya kepakaran penerima gelaran Profesor Emeritus/Emerita dapat dimanfaatkan oleh Universiti.

### 4.0 OBJEKTIF

- 4.1 Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus/Emerita bertujuan untuk:
  - a. Memberi penghargaan kepada Profesor yang telah memberikan sumbangan dan berkhidmat dengan cemerlang dengan Universiti.
  - b. membolehkan individu tersebut meneruskan sumbangan terhadap kemajuan atau
  - c. penyebaran ilmu kepada Universiti.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 3/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA</b> <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

## 5.0 KRITERIA PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA

5.1 Kriteria penganugerahan gelaran Profesor Emeritus/Emerita adalah seperti berikut:

- a) bersara daripada perkhidmatan tetap;
- b) tamat tempoh perkhidmatan kontrak;
- c) tamat tempoh peminjaman daripada organisasi luar sama ada kerajaan atau badan berkanun atau swasta dalam dan luar negara;
- d) telah berkhidmat dengan UMK sebagai Profesor bagi tempoh tidak kurang tujuh (7) tahun;
- e) mempamerkan kecemerlangan dalam bidang kepakaran dan menjadi ahli akademik yang tersohor;
- f) mempunyai sifat-sifat kepimpinan dan keperibadian yang tinggi;
- g) berupaya memberikan sumbangan kepada Universiti apabila diperlukan; dan
- h) tidak pernah disabitkan kesalahan atau tindakan undang-undang.

5.2 Walaubagaimanapun, Senat Universiti juga boleh menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus/ Emerita kepada mana-mana individu yang difikirkan layak oleh Senat Universiti.

## 6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PROFESOR EMERITUS/EMERITA

6.1 Profesor Emeritus/Emerita mempunyai tanggungjawab kepada Universiti seperti berikut:

- a) Profesor Emeritus/Emerita tidak lagi tertakluk kepada apa-apa arahan tugas seperti mana lazim bagi seorang yang masih berkhidmat;
- b) bersedia untuk memberikan sumbangan kepada Universiti dalam bidang kepakarannya apabila diperlukan;
- c) berperanan sebagai penasihat/mentor kepada Fakulti dalam bidang akademik dan penyelidikan;
- d) tidak boleh pada bila-bila masa mendedahkan kepada mana-mana pihak sebarang maklumat sulit yang dimaklumkan atau diperoleh olehnya atau menyebabkan sesuatu maklumat sulit terdedah kepada mana-mana pihak lain; dan
- e) hendaklah sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dan apa-apa arahan lain dari semasa ke semasa.

 <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)</b>	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 4/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

**6.2 Profesor Emeritus/Emerita tidak layak:**

- a) mengetuai kumpulan penyelidikan atau perundingan daripada geran universiti;
- b) mengurus peruntukan penyelidikan;
- c) mengetuai/mempengerusikan mana-mana jawatankuasa di peringkat universiti;
- d) memegang jawatan pentadbiran; dan
- e) menjadi penyelia utama bagi penyeliaan pelajar siswazah.

**7.0 PENGGUNAAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN KEPADA PENERIMA**

**7.1 Profesor Emeritus/Emerita layak menggunakan gelaran "Profesor Emeritus" atau "Profesor Emerita" sebelum nama beliau seperti berikut:**

Lelaki : YBhg. Profesor Emeritus Dr. Ali bin Abu  
 Perempuan : YBhg. Profesor Emerita Dr. Ani binti Abu

**7.2 Seorang Profesor Emeritus/Emerita hendaklah dianggap sebagai seorang Profesor Universiti sebagai penghormatan tetapi tidak dianggap sebagai staf Universiti atau individu yang berada di bawah pengajian Universiti. Penganugerahan gelaran Profesor Emeritus/Emerita tidak memberikan apa-apa ganjaran kewangan atau kemudahan yang lazim diberikan kepada staf.**

**7.3 Di dalam apa-apa upacara istiadat, Profesor Emeritus/Emerita hendaklah diberi keutamaan sebelum Profesor. Bagi Majlis Konvokesyen Universiti, seorang Profesor Emeritus/Emerita diberi penghormatan dan kekananan seperti seorang ahli Senat Universiti.**

**7.4 Profesor Emeritus/Emerita boleh menghadiri Majlis Konvokesyen Universiti dan memakai jubah konvokesyen serta menyertai perarakan Konvokesyen sebagai staf akademik Universiti serta disenaraikan di dalam buku Konvokesyen.**

**7.5 Profesor Emeritus/Emerita tidak layak untuk menerima emolumen namun boleh dibayar honorarium berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa atas perlubatan beliau dalam aktiviti Universiti.**

**7.6 Profesor Emeritus/Emerita layak menerima dan menggunakan kad identiti staf dan pelekat kenderaan rasmi Universiti sebagai tanda pengenalan dan keselamatan.**

**7.7 Profesor Emeritus/Emerita layak menggunakan kad nama (*Business Card*);**

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 5/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA</b> <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

- 7.8 Satu bilik kerja gunasama dengan kemudahan internet (serta emel rasmi Universiti) boleh disediakan kepada seorang Profesor Emeritus/Emerita yang terletak di dalam kampus Universiti;

#### **8.0 PROSEDUR PENGANUGERAHAN**

- 8.1 Fakulti hendaklah mengenalpasti individu berkelayakan dan mengemukakan kertas kerja permohonan yang lengkap kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus untuk sokongan.
- 8.2 Jika permohonan disokong, Fakulti akan membentangkan kertas kerja permohonan kepada Senat Universiti untuk perakuan.
- 8.3 Jika diperakukan oleh Senat Universiti, cadangan perakuan akan dibentangkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) kepada Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan.
- 8.4 Surat tawaran penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus/Emerita akan dikeluarkan oleh Pendaftar kepada penerima.
- 8.5 Penerima Gelaran Profesor Emeritus/Emerita perlu memberikan maklum balas penerimaan penganugerahan kepada Universiti.
- 8.6 Proses kerja dan carta alir bagi Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus/Emerita UMK adalah seperti di **Lampiran B(i)**.

#### **9.0 JAWATANKUASA TETAP SENAT IJAZAH KEHORMAT / PROFESOR EMERITUS**

- 9.1 Keanggotaan Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/ Profesor Emeritus adalah seperti berikut:

Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
 Setiausaha : Pendaftar  
 Ahli\* : Seorang Dekan dalam bidang Sains dan Teknologi  
           : Seorang Dekan dalam bidang Sains Sosial  
           : Seorang ahli Senat Universiti  
 Sekretariat : Pegawai yang dilantik oleh Pengerusi

\*Nota: Ahli hendaklah bukan dari fakulti yang mengemukakan pencalonan.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)	<b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN:</b> <b>MUKA SURAT: 6/10</b>
<b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA</b> <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>		

9.2 Terma rujukan jawatankuasa adalah mengesorkan penganugerahan Ijazah Kehormat dan Profesor Emeritus/ Emerita kepada individu yang berkelayakan untuk mendapatkan kelulusan

9.3 Lembaga Pengarah Universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi.

## 10.0 PENGANUGERAHAN

- 10.1 Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus/Emerita dilakukan dalam Majlis Konvokesyen Universiti atau dalam mana-mana upacara atau istiadat lain yang dianggap sesuai oleh pihak Universiti.
- 10.2 Majlis Konvokesyen penerima Gelaran Profesor Emeritus/Emerita akan diuruskan oleh Jawatankuasa Konvokesyen.

## 11.0 PEMBATALAN PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA

- 11.1 Senat Universiti berhak untuk menarik balik atau membatalkan penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus/Emerita/Emerita sekiranya penerima telah:
  - a) disabitkan kesalahan jenayah; atau
  - b) melakukan tindakan yang menjaskan nama baik Universiti.

## 12.0 LAIN-LAIN

- 12.1 Garis panduan adalah tertakluk kepada undang-undang, pekeliling, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa dan pindaan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.
- 12.2 Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan garis panduan ini bolehlah disalurkan kepada:

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
 Universiti Malaysia Kelantan  
 16300 Bachok  
 Kelantan Darul Naim  
 Tel : 09-7797601  
 Faks : 09-7797602  
 Emel : akademik@umk.edu.my

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<p><b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b>  <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b></p> <p>UMK/TNCAA/BPS06-32 (02)</p> <hr/> <p><b>GARIS PANDUAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA</b>  <b>UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b></p>	PINDAAN : 0 TARIKH PINDAAN: MUKA SURAT: 7/10
--	--	--

### 13.0 TARIKH KUAT KUASA

Tarikh kuat kuasa Garis Panduan Penganugerahan Profesor Emeritus/Emerita Universiti Malaysia Kelantan adalah dari tarikh garis panduan ini diluluskan oleh Mesyuarat LPU.

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>PROSES KERJA</b> <b>PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR</b> <b>EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>KLASIFIKASI :</b> <b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN :</b> <b>MUKA SURAT : 8/10</b>
--	--	---

## SENARAI SEMAK

### PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1	Fakulti / Pusat mengenalpasti calon yang berkelayakan melalui Mesyuarat di peringkat Fakulti/ Pusat		
2	Fakulti mengemukakan kertas kerja pencalonan penerima Gelaran Profesor Emeritus/Emerita kepada BPA, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus untuk sokongan		
3	Fakulti membentangkan kertas kerja pencalonan yang telah disokong oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus dalam Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapatkan perakuan.		
4	Kertas kerja pencalonan yang telah diperaku oleh Mesyuarat Senat Universiti dibentangkan dalam Mesyuarat LPU untuk kelulusan penganugerahan		
5	Makluman kelulusan akan dikeluarkan kepada Fakulti		
6	Surat tawaran penganugerahan gelaran Profesor Emeritus/Emerita akan dikeluarkan oleh Pendaftar kepada penerima		
7	Menerima maklumbalas penerimaan tawaran daripada calon penerima		

 <b>UNIVERSITI</b> <b>MALAYSIA</b> <b>KELANTAN</b>	<b>PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR</b> <b>(AKADEMIK &amp; ANTARABANGSA)</b>  <b>PROSES KERJA</b> <b>PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR</b> <b>EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN</b>	<b>KLASIFIKASI :</b> <b>PINDAAN : 0</b> <b>TARIKH PINDAAN :</b> <b>MUKA SURAT : 9/10</b>
--	--	---

## PROSES KERJA

### PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bil.	Tanggungjawab	Proses Kerja	Pegawai Yang Meluluskan/ dirujuk	Punca Kuasa/Borang Berkaitan
1	Dekan Fakulti	Fakulti / Pusat mengenalpasti calon yang berkelayakan melalui Mesyuarat di peringkat Fakulti/ Pusat	Mesyuarat JK Pengurusan Fakulti	
2	Dekan Fakulti	Fakulti mengemukakan kertas kerja pencalonan penerima Gelaran Profesor Emeritus/Emerita kepada BPA untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus untuk sokongan	Pengarah BPA / Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus	Minit Mesyuarat Pengurusan Fakulti
3	Dekan Fakulti	Fakulti membentangkan kertas kerja dalam Mesyuarat Senat Universiti untuk mendapatkan perakuan.	Mesyuarat Senat Universiti	Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Ijazah Kehormat/Profesor Emeritus
4	TNC (A&A)	Kertas kerja pencalonan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan penganugerahan	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	Minit Mesyuarat Senat Universiti
5	Pengarah BPA	Makluman kelulusan akan dikeluarkan kepada Fakulti	TNC (A&A)	Minit Mesyuarat LPU
6	Pendaftar	Surat tawaran penganugerahan gelaran Profesor Emeritus/Emerita akan dikeluarkan kepada penerima	TNC (A&A)	Minit Mesyuarat LPU
7	Pendaftar	Menerima maklumbalas penerimaan tawaran daripada calon penerima	Penerima gelaran Profesor Emeritus/Emerita	Borang penerimaan tawaran



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)

PROSES KERJA  
PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR  
EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KLASIFIKASI :  
PINDAAN : 0  
TARIKH PINDAAN :  
MUKA SURAT : 10/10

## CARTA ALIR

### PENGANUGERAHAN GELARAN PROFESOR EMERITUS/EMERITA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

